

Tun Dr Mahathir pertikai penjelasan isu AP pada Perhimpunan Agung Umno



**Penjelasan
penuh
Tun Dr M
di muka 13**

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad mempertikaikan penjelasan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, berhubung isu permit import (AP) kereta pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, Sabtu lalu.

Bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton, berkata beliau perlu membuat penjelasan kerana mendakwa Rafidah tidak membuat kenyataan yang benar berkaitan isu berkenaan.

"Pada Perhimpunan Agung Umno, 11 menteri buat beberapa padakwaan tidak benar. Juga pada temuramah televisyen, menteri mendakwa saya mungkin sudah lupa itu dan ini. Walaupun saya berusia 80 tahun, saya belum lagi nyanyuk.

"Pada mulanya setelah menjawab surat menteri dengan salinan kepada Kabinet, saya tidak berhajat untuk membuat apa-apa kenyataan lagi. Terpulanglah kepada Kabinet untuk menentukan apakah yang benar dan tidak benar.

"Tetapi oleh kerana menteri tidak membuat kenyataan yang benar kepada perwakilan Umno dan orang ramai, maka terpaksa saya membuat penjelasan," katanya dalam kenyataan 21 perkara yang dikeluarkan di sini, petang semalam.

Antara perkara yang dipertikaikan ialah dakwaan kononnya kerajaan membuat keputusan tidak mengisytiharkan nama pemegang AP.

Dr Mahathir berkata, ketika beliau menjadi Perdana Menteri tidak ada keputusan dibuat kerajaan untuk tidak mengisytiharkan nama pemegang AP.

"Mungkin kerajaan sekarang

membuat keputusan ini. Soalnya ialah apakah keputusan ini dibuat sebelum atau selepas menteri membuat kenyataan bahawa dasar kerajaan tidak membenarkan nama pemegang AP diumumkan," katanya.

Dr Mahathir turut mempersoalkan mengapa Rafidah tidak menamakan Menteri Perdagangan dan Industri ketika itu yang didakwa berlaku ramai pemegang AP tidak memenuhi syarat.

"Saya pernah menjadi Menteri Perdagangan dan Industri, tetapi penjelasan Rafidah bahawa apabila beliau mengambil alih kementerian ramai yang diberi AP tidak memenuhi syarat dan beliau membatalkan AP mereka, mencerminkan ketegasan menteri ketika itu.

11 Tidak tidak... tidak! Saya kini di Afrika Selatan. Saya tidak mahu bercakap mengenainya"

Datuk Seri Rafidah Aziz
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
memikir sayalah

"Siapakah Menteri Perdagangan dan Industri yang mendahului YB Menteri sekarang? Jika tidak disebut mungkin ada orangnya," katanya.

Beliau berkata, berbeza dengan matlamat asal pemberian AP yang bertujuan meningkatkan bilangan Bumiputera dalam industri kereta, pemberian AP kini hanya menguntungkan segelintir Bumiputera, terutama apabila dua tiga orang yang tidak ada bilik pameran mendapat beribu-ribu AP.

Katanyas, perkelahian mengenai isu AP bukan perbezaan kenyataan antara individu atau menteri dan pearsa (dirinya sendiri), sebaliknya berkaitan perusahaan nasional.

"Saya terpaksa mendedah sepenuhnya kerana kepentingan perusahaan negara. Bukan seperti yang didakwa oleh seorang penulis akhbar berbahasa Inggeris kerana saya tidak dapat AP.

Kekayaan biar dengan cara sah: Tun Dr Mahathir

DARI MUKA 1

"Saya sudah terima surat penjelasan Rafidah. Saya dapati isi kandungan surat berkenaan serta lampiran tidak menjadi bukti akan kebenaran dakwaan Menteri berkenaan iaitu kelulusan Naza Ria menjadi kereta nasional, jumlah AP yang dikeluarkan pada 2004-2005, asas dan syarat untuk keluaran AP, jenis AP yang dikeluarkan, nama mereka yang mendapat AP dan jumlahnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak iri hati dengan orang Melayu yang menjadi kaya tetapi kejayaan mereka hendaklah dengan jalan yang sah.

"Saya berkali-kali menegur mereka yang menjual AP untuk kaya cepat. Ternampak jelas yang penjualan AP berleluasa sekarang. Adalah menjadi tanggungjawab seorang menteri untuk memerhati keadaan supaya sebarang penyelewengan tidak berlaku," katanya.